

23/10/2003

Artis anggap Dr Mahathir luar biasa

KUALA LUMPUR: Program 'Tribute To Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad' anjuran akhbar The Malay Mail, semakin mendapat sambutan termasuk di kalangan artis tempatan.

Program yang bermula 5 Oktober lalu, memberi orang ramai peluang menghantar ucapan kepada Perdana Menteri menerusi akhbar berkenaan.

Semalam, tujuh artis - Norhaslinda Aripah, anggota kumpulan Alam, Muhd Kautsar Mat Sin atau dikenali sebagai Al Kausar, anggota kumpulan Metalasia, Shamsul Amar Rosani atau dikenali sebagai Sam Maya, anggota kumpulan Barongan, Azmee Manap, anggota kumpulan V5, Azrin Abd Aziz (En), Hairunnizam Mohd Jenam (Nazam) dan Khairul Azmi Abd Rahman (Az), menghantar ucapan itu di Balai Berita di sini.

Azmee yang ditemui menganggap Dr Mahathir seperti bapanya kerana Perdana Menteri banyak mencurahkan jasa sepanjang perkhidmatannya.

"Saya rasa, semua pihak tidak perlu bersedih kerana Dr Mahathir hanya bersara sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai rakyat Malaysia beliau masih terus 'bekerja' untuk bangsa selepas persaraan itu nanti.

"Saya yakin Dr Mahathir akan terus mencurahkan baktinya untuk kepentingan rakyat dan negara," katanya.

Az pula berkata, Malaysia berjaya mengukir nama di mata dunia hasil kepemimpinan Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Saya bangga mempunyai seorang Perdana Menteri seperti Dr Mahathir kerana beliau berjaya membawa taraf hidup kebanyakan rakyat ke satu tahap yang membanggakan.

"Golongan artis juga mendapat manfaat daripada kejayaan ini kerana kami berupaya menjadi artis yang kreatif dengan semua kemudahan yang sedia ada," katanya.

Ucapan yang dihantar dikenakan bayaran berpatutan mengikut jumlah baris serta saiz, manakala penghantaran ucapan sehingga 26 Oktober ini akan disiarkan dalam The Malay Mail bermula 31 Oktober sehingga mesej yang diterima habis disiarkan.